



## **KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2006/2007**

NAMA MATA PELAJARAN : SOSIOLOGI PENDIDIKAN DALAM PTV

KOD MATA PELAJARAN : MBE 1043

KURSUS : SARJANA PENDIDIKAN

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN :

1. JAWAB SEMUA SOALAN DARIPADA BAHAGIAN A DENGAN MENANDAKAN JAWAPAN YANG BETUL DI DALAM BORANG OMR.
2. JAWAB SEMUA SOALAN DARIPADA BAHAGIAN B DI DALAM KERTAS JAWAPAN YANG DISEDIAKAN.
3. IKAT KERTAS SOALAN BERSAMA-SAMA KERTAS JAWAPAN.

## BAHAGIAN A

- S1 Perkembangan ilmu sosiologi berpunca dari mulanya kerana
- A kesedaran mengenai peraturan dalam masyarakat yang bertambah.
  - B kesedaran mengenai akibat industrialisasi dan pembahagian tugas.
  - C perubahan masyarakat yang menjadi lebih maju.
  - D trend disiplin akademik yang mementingkan ilmu berasas kajian saintifik.
- S2 Yang manakah lebih tepat mengenai takrifan sosiologi?
- A Kajian terhadap pola tingkah laku manusia dalam sesuatu kelompok yang besar.
  - B Kajian mengenai cara manusia berfikir untuk membentuk kelompok manusia yang stabil.
  - C Mengkaji struktur organisasi sesuatu kelompok manusia.
  - D Kajian mengenai interaksi manusia yang berlaku secara semula jadi.
- S3 Tujuan penyelidikan dalam bidang sosiologi ialah
- A mengembangkan potensi diri individu.
  - B mengukuhkan saling hubungan di antara ahli-ahli masyarakat.
  - C melahirkan individu-individu yang berketrampilan memimpin.
  - D mengenal corak ikatan hidup bermasyarakat.
- S4 Sosiologi bersifat sains kerana
- A fenomena alam fizikal telah diuji mengenai kebenarannya.
  - B fenomena biologi telah diuji semula dan keputusannya adalah sama.
  - C fenomena cara hidup manusia adalah hasil eksperimen ahli sains.
  - D fenomena tingkah laku manusia merupakan generalisasi yang telah diuji.
- S5 Perkataan sosiologi adalah gabungan di antara perkataan sosio dan logi. Yang manakah paling tepat mengenai perkataan sosio?
- A Berasal daripada perkataan Yunani, 'socio' bermaksud berkongsi.
  - B Berasal daripada perkataan Latin, 'socio' bermaksud masyarakat.
  - C Berasal daripada perkataan Latin, 'socio' bermaksud berkongsi.
  - D Berasal daripada perkataan Inggeris, 'socio' bermaksud sosial.

- S6 Tokoh berikut dianggap sebagai bapa ilmu sosiologi.
- A Herbert Spencer.
  - B Lester F. Ward.
  - C Auguste Comte.
  - D Karl Marx.
- S7 Siapakah penulis buku *Dynamic Sociology* dalam tahun 1874?
- A Herbert Spencer.
  - B Lester F. Ward.
  - C Auguste Comte.
  - D Karl Marx.
- S8 Auguste Comte dalam tahun 1842 telah menghasilkan buku yang berkaitan dengan bidang sosiologi berjudul
- A *The Positive Philosophy*.
  - B *The Positive Sociology*.
  - C *The Positive Psychology*.
  - D *The Positive Anthropology*.
- S9 Pada awal Abad 20 bidang sosiologi menjadi penting kerana
- A Manusia semakin mementingkan diri sendiri.
  - B Bahasa yang sama tetapi dialek berbeza.
  - C Bertambah bilangan kawasan perbandaran dan perindustrian.
  - D Industri memerlukan pekerja-pekerja yang berkemahiran.
- S10 Tiga teori, perspektif atau aliran utama dalam ilmu Sosiologi adalah
- A. Fungsionalisme Interaksi, Interaksi Psikologi dan Konflik.
  - B. Interaksi Simbolik, Dinamika Organisme dan Fungsi Struktur.
  - C. Fungsionalisme Struktur, Interaksionisme Simbolik dan Konflik.
  - D. Fungsionalisme Simbolik, Interaksionisme Struktur dan Konflik.

S11 Ciri mata pelajaran Sosiologi yang tidak tepat ialah di mana

- A tingkah laku manusia secara berkumpulan dikaji secara saintifik.
- B tingkah laku manusia secara berkumpulan dicari sebab-sebabnya.
- C tingkah laku manusia hendak dijadikan teladan.
- D perubahan sosial perlu difahami oleh pemimpin masyarakat.

S12 Perspektif fungsionalisme dalam bidang sosiologi diperkenalkan oleh

- A Herbert Spencer dan Emile Durkheim.
- B Max Weber dan Karl Marx.
- C Merton dan Dewey.
- D Mills dan Durkheim.

S13 Idea utama mengenai masyarakat mengikut perspektif fungsionalisme ialah

- A Konflik antara individu melahirkan pembangunan.
- B Terdapat persamaan di antara masyarakat dengan organisme.
- C Manusia saling berinteraksi di sepanjang hayat mereka.
- D Pendidikan dapat membentuk kehidupan manusia.

S14 Pandangan sosiologi Aliran Fungsi Struktur terhadap masyarakat ialah

- A bertindak seperti suatu set anggota yang hidup dan setiap bahagian sentiasa bantu membantu antara satu sama lain.
- B mempunyai bahagian-bahagian yang tidak berkerjasama tetapi bersaing untuk menjayakan matlamat masing-masing.
- C walau pun bahagian-bahagian berusaha untuk pembangunan keseluruhan tetapi mengutamakan pembangunan bahagian sendiri.
- D bertindak sebagai jentera untuk menyelesaikan masalah kehidupan yang dihadapi oleh mana-mana bahagian atau anggota masyarakat

S15 Penjelasan terbaik Aliran Konflik melihat masyarakat berubah adalah kerana

- A kehidupan manusia sentiasa bergolak merebut harta atau kebendaan.
- B kehidupan manusia penuh persaingan sehingga sanggup menindas golongan yang lemah.
- C kelompok tertentu menjaga kepentingan kelas sosial dan menggunakan pelbagai kaedah tidak adil bagi mengekalkan kuasa.
- D adanya sifat, perasaan dan pendekatan konflik dalam semua penyelesaian masalah.

- S16 Masyarakat bergerak ke arah ekuilibrium. Maka perubahan sosial dalam masa yang singkat lebih merosakkan kerana perubahan satu-satu bahagian di dalam masyarakat biasanya menggerakkan perubahan pada bahagian lain dalam sistem masyarakat. Pernyataan tersebut bersesuaian dengan teori:
- A Konflik.
  - B Fungsionalisme.
  - C Interaksionisme.
  - D Sosialisme.
- S17 Tingkah laku sosial mengikut perspektif konflik diketengahkan oleh
- A Lenin.
  - B Coser.
  - C Max Weber.
  - D Karl Marx.
- S18 Mengikut perspektif konflik, punca utama pertentangan dalam masyarakat ialah
- A menunjuk kemewahan.
  - B mengejar pangkat.
  - C menunjuk kebenaran.
  - D menunjuk kuasa.
- S19 Yang manakah bukan perspektif konflik dalam sesebuah organisasi?
- A Kepentingan.
  - B Kompromi.
  - C Kuasa.
  - D Persaingan.
- S20 Satu tesis berikut merupakan bukan karya asal tokoh sosiologi Emile Durkheim.
- A *The Division of Labour.*
  - B *The Elementary Forms of Religious Life.*
  - C *The Positive Philosophy.*
  - D *Suicide.*

- S21 Karl Marx merupakan tokoh Aliran Konflik yang mempunyai fahaman berikut, kecuali
- A kuasa meyebabkan manusia korup hingga hilang peri kemanusiaan dan pertimbangan secara adil.
  - B pertelingkahan dalam masyarakat adalah berasaskan perebutan ekonomi.
  - C pergeseran adalah penyebab utama semua perubahan sosial.
  - D perebutan kuasa merupakan sikap bukan semulajadi manusia.
- S22 Idea mengenai perspektif interaksionisme diperkenalkan oleh
- A George Herbert Mead.
  - B Karl Marx.
  - C Max Weber.
  - D Blumer.
- S23 Contoh yang paling sesuai mengenai perspektif interaksionisme dalam organisasi pendidikan ialah
- A kekananan guru dihormati.
  - B mematuhi arahan pengetua.
  - C peranan guru disiplin dan guru bimbingan.
  - D peranan ibu bapa terhadap kemajuan pendidikan pelajar.
- S24 Pernyataan yang memberi takrifan pendidikan daripada perspektif sosiologi ialah
- A segala tindakan yang diambil oleh generasi tua terhadap generasi muda yang belum sedar untuk hidup bermasyarakat.
  - B memberi pengajaran kepada pelajar-pelajar seperti yang mereka inginkan.
  - C mengelakkan pelajar-pelajar daripada gagal dalam penilaian pendidikan.
  - D guru-guru sentiasa mengikut aspirasi pelajar dalam sistem pendidikan.
- S25 Pilihan berikut bukan penyebab, matlamat atau kesan sosiologi pendidikan.
- A Keadaan institusi pendidikan yang menyerupai masyarakat sosial sebenar.
  - B Untuk menangani pertambahan berterusan pelajar perempuan dalam institusi pengajian tinggi.
  - C Untuk memahami latarbelakang kaum pelajar yang perlu dibimbing oleh pendidik.
  - D Keadaan kehidupan moden yang lebih mementingkan akauntabiliti dalam pendidikan.

- S26 Sosiologi pendidikan mendapat tempat dalam dunia akademik kerana
- A kepentingan memahami masyarakat institusi pendidikan.
  - B kepentingan untuk bersaing antara institusi pendidikan.
  - C kepentingan untuk pembaharuan dan pembangunan institusi pendidikan.
  - D kepentingan untuk meningkatkan prestasi pengurusan dan pentadbiran institusi pendidikan.
- S27 Contoh fenomena kehidupan manusia dalam kumpulan adalah seperti berikut:
- A Adat, resam, tradisi, dan nilai.
  - B Undang-undang, adat, resam dan tradisi.
  - C Peraturan, undang-undang, adat dan resam.
  - D Kepercayaan, peraturan, undang-undang dan adat.
- S28 Fungsi pendidikan sebagai alat kawalan sosial dilakukan bukan kerana
- A masyarakat mengandungi bilangan penduduk yang terlalu ramai dan tidak mudah diselia.
  - B masyarakat memerlukan bimbingan dalam menjalani kehidupan.
  - C masyarakat perlu dilatih mengikut hasrat pemimpin.
  - D masyarakat perlu diberi peluang memahami peraturan masyarakat.
- S29 Penyebaran kebudayaan dilakukan oleh pendidikan kerana
- A tiada lagi pengaruh ibu bapa dalam nilai hidup anak yang meningkat dewasa.
  - B masyarakat meyakini dan menyetujui bahawa sosialisasi utama perlu dilakukan secara massa.
  - C rakan sebaya amat mempengaruhi nilai-nilai hidup para remaja.
  - D media massa tidak menyebar kebudayaan sebenar.
- S30 Pengagihan dan penyusunan lapis sosial tidak mungkin berlaku disebabkan
- A pendidikan mengamalkan proses pengaliran.
  - B pengajaran dan pembelajaran diatur mengikut pengkhususan.
  - C pencapaian pelajar bergantung kepada sifat dan kebolehan tersendiri.
  - D dasar dan perancangan pendidikan negara dilakukan semata-mata mengikut kehendak pemerintah.

- S31 Alasan paling logik kenapa pengagihan dan penyusunan lapis sosial dilakukan oleh pendidikan ialah kerana
- A pendidikan merupakan institusi sosial yang terbesar dalam negara.
  - B pendidikan merupakan agensi sosial yang diberikan peruntukan terbanyak.
  - C pendidikan melibatkan setiap lapisan masyarakat.
  - D pendidikan terlibat secara langsung dalam keseluruhan rancangan pembangunan negara.
- S32 Berikut merupakan ciri struktur dan organisasi institusi pendidikan, kecuali
- A organisasi berhiraki milik awam.
  - B mempunyai tanggungjawab sosial yang besar.
  - C bertindak mendidik dan melatih secara rejimen.
  - D mempunyai peraturan dan dasar yang jelas.
- S33 Sistem pendidikan dianggap sebagai institusi sosial kerana ciri berikut, kecuali
- A pelajar dan ibu bapa terlibat bersama dalam perkembangan dan pembangunan institusi pengajian berkenaan.
  - B guru-guru ditukar berdasarkan keperluan gunatenaga, kelayakan dan kemahiran.
  - C matlamat sistem pendidikan secara amnya adalah untuk mencapai kemakmuran dan kesejahteraan keseluruhan rakyat.
  - D peranan pentadbir dan guru kerap meliputi sebagai pemimpin masyarakat.
- S34 Ciri-ciri birokrasi dalam pengurusan organisasi tidak termasuk perkara berikut.
- A Mendokong dasar, undang-undang dan peraturan.
  - B Sikap berkecuali dan tidak pilih kasih.
  - C Bersimpati dengan yang lemah dan kekurangan.
  - D Membahagi tugas kerja kepada yang pakar.
- S35 Ideologi negara dapat dikembangkan oleh pendidikan dengan mengguna kaedah berikut, kecuali
- A penerapan budaya ilmu mengikut acuan negara tersendiri.
  - B mengamalkan nyanyian lagu-lagu patriotik dalam perhimpunan berkala.
  - C memberi unsur kesetiaan kepada raja dan corak pemerintahan dalam kurikulum.
  - D mata pelajaran sejarah diwajibkan kepada semua pelajar.

S36 Apakah tujuan utama kerajaan mewujudkan ‘Dasar Ekonomi Baru’?

- A Menghapuskan kelas sosial dalam masyarakat.
- B Mengurangkan jurang perbezaan taraf sosioekonomi antara kaum.
- C Memberi peluang perniagaan kepada semua kaum.
- D Memberi peluang pendidikan ke peringkat tertinggi.

S37 Antara berikut yang bukan faktor mobiliti sosial ialah

- A pangkat dan anugerah.
- B keputusan pilihanraya.
- C kebolehan menggunakan pelbagai bahasa.
- D kebolehan atau bakat.

S38 Mobiliti sosial mudah dicapai melalui pendidikan kerana

- A pencapaian pendidikan seseorang itu sentiasa cemerlang.
- B jenis pekerjaan tidak memerlukan kelayakan pendidikan yang tinggi.
- C kelayakan pendidikan menentukan tahap, jenis pekerjaan dan seterusnya pendapatan.
- D jenis pekerjaan berkelayakan tinggi dibayar pulangan gaji yang tinggi.

S39 Stratifikasi sosial wujud apabila terdapat perbezaan kedudukan dalam masyarakat berdasarkan aspek berikut, kecuali

- A status.
- B ekonomi.
- C keturunan.
- D pandangan hidup.

S40 Faktor persekitaran yang tidak secara langsung mempengaruhi pencapaian pendidikan ialah

- A emosi keluarga dan kesan perkembangan intelek pelajar.
- B saiz dan beban tanggungan keluarga.
- C lokasi sekolah dan persekitaran pembelajaran.
- D penduduk kawasan yang terlalu ramai.

- S41 Satu kenyataan berikut bukan nilai pelajar anak kelas pertengahan.
- A Sanggup menangguhkan keperluan dan keinginan masa ini untuk ganjaran akan datang.
  - B Mempunyai motivasi yang tinggi untuk berjaya kerana contoh keluarga.
  - C Jika tercabar sanggup menggunakan keagresifan fizikal untuk meluahkan rasa hati.
  - D Berusaha untuk cemerlang dalam pelajaran supaya dapat memperolehi pekerjaan yang berkedudukan tinggi.
- S42 Aspirasi atau harapan sekolah tidak semestinya
- A bergantung kepada budaya yang diterap pihak pengurusan.
  - B menempa suasana persaingan yang akan menghasilkan pencapaian tinggi.
  - C memberi petunjuk tahap komitmen untuk sekolah menjadi cemerlang.
  - D membawa kesan positif terhadap prestasi akademik pelajar.
- S43 Berikut adalah peranan rakan sebaya, kecuali
- A sebagai pengganti keluarga.
  - B memberi sokongan emosi dan sosial.
  - C mengurangkan nilai komitmen dalam persahabatan.
  - D sebagai tempat meluahkan perasaan dan menyelesaikan masalah.
- S44 Pendidikan dapat memupuk perpaduan kerana
- A menjamin keamanan bagi pembangunan negara.
  - B menggalakkan perubahan sebagai keperluan pembangunan.
  - C menentukan penjanaan ekonomi meningkat.
  - D meningkatkan imej sebagai negara maju.
- S45 Kaedah yang tidak mengatasi segregasi dan pengasingan dalam masyarakat ialah
- A membasmi perbezaan jurang ekonomi antara kaum.
  - B menjayakan Dasar Ekonomi Baru.
  - C menerima perbezaan mengenai fahaman politik.
  - D memperkenalkan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

S46 Sistem pengajian tinggi tidak memerlukan

- A graduan menjadi agen untuk mengekal dan memupuk tradisi budaya dan nilai sosial kepada masyarakat.
- B pelajar peringkat atas mendekati warga lain terutama pelajar peringkat rendah dalam membantu meningkatkan kualiti pembelajaran mereka.
- C pelaksanaan kajian mengenai permasalahan penduduk dan mencari jawapan dalam mengatasi pelbagai penyakit sosial.
- D pelajar bersaing untuk mencapai kecemerlangan dan kesejahteraan hidup di masa hadapan.

S47 Pengajian tinggi wajar berfungsi dengan penuh autonomi, kecuali

- A mendidik klien untuk mengamal kebebasan mutlak.
- B menjana ilmu pengetahuan baru.
- C memupuk pengetahuan dan kesarjanaan mahasiswa.
- D meneroka bidang baru.

S48 Reformasi dalam pendidikan tidak perlu apabila

- A berlaku perubahan keperluan gunatenaga.
- B terdapat banyak kekosongan jawatan berikutan perubahan dasar ekonomi negara.
- C berlaku pertukaran peneraju organisasi.
- D berlakunya perubahan teknologi dan kaedah kepenggunaan.

S49 Contoh ciri sistem sosial yang sangat menyumbang kepada kejayaan sistem pendidikan ialah

- A mesyuarat pemimpin masyarakat diadakan mengikut jadual.
- B pemimpin organisasi memberi arahan tugas dengan jelas.
- C institusi keluarga membimbing dan mengawal tingkah laku anak.
- D institusi komersial berjaya meningkatkan pendapatan per kapita rakyat.

- S50 Tiga faktor utama yang membolehkan bertambahnya penubuhan sekolah-sekolah swasta di negara ini ialah
- I Dasar Pendidikan Kebangsaan yang longgar.
  - II sekolah-sekolah swasta masih mengikut Dasar Pendidikan Negara.
  - III lulusan sekolah swasta berpeluang melanjutkan pelajaran ke IPT.
  - IV sekolah swasta juga diawasi oleh Kementerian Pelajaran.
- A I, II dan III.
  - B I, II dan IV.
  - C II, III dan IV.
  - D I, III, dan IV.
- S51 Dalam pembentukan budaya sekolah dan pentadbiran, pengaliran (*streaming*) memberi kesan buruk kepada pelajar dari aspek
- A hubungan persahabatan.
  - B perkembangan intelek.
  - C pengelompokan.
  - D aktiviti kokurikulum.
- S52 Perlakuan sosial seseorang pelajar terbentuk kerana dipengaruhi oleh keseluruhan pelajar di tempat ia belajar. Pandangan ini adalah benar mengikut perspektif kajian berikut:
- A Perspektif mikro.
  - B Perspektif pengikut.
  - C Perspektif makro.
  - D Perspektif pemimpin.
- S53 Kajian menunjukkan bahawa faktor utama yang menyebabkan perbezaan tahap pencapaian akademik di sekolah ialah dari segi
- A tempat tinggal.
  - B kumpulan etnik.
  - C kemudahan sekolah.
  - D status sosio-ekonomi.

S54 Bagi sistem pendidikan menghasilkan tenaga rakyat bermutu untuk membina negara, perkara paling utama yang wajar diberi perhatian ialah

- A penglibatan ibu bapa.
- B tenaga pengajar yang cekap.
- C kemudahan atau prasarana yang lengkap.
- D kurikulum yang baik.

S55 Pernyataan yang paling tepat mengenai budaya sekolah ialah

- A cara hidup di sekolah yang mengarah kepada pencapaian matlamat rasmi.
- B cara guru mengajar pelajar seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.
- C cara pelajar menerima pengajaran guru.
- D cara gurubesar memantau aktiviti sekolah.

S56 Organisasi yang tiada pengaruh untuk mengawal sistem pendidikan formal ialah

- A Jabatan pendidikan negeri atau pejabat pendidikan daerah.
- B Bahagian Kewangan, Kementerian Pelajaran.
- C Lembaga Pengelola institusi pendidikan.
- D badan-badan profesional awam.

S57 Pengurusan sekolah paling berkesan mencorakkan budaya pembelajaran pelajar ialah

- A susunan perabut dan kedudukan pelajar dalam bilik darjah.
- B pengelompokan pelajar dalam kumpulan belajar.
- C kawalan disiplin di kalangan pelajar.
- D rutin pelajar belajar.

S58 Dari senarai di bawah, aktiviti bakal-bakal guru yang membolehkan mereka berhubung rapat dengan masyarakat ialah

- A Membuat persediaan mengajar mata pelajaran kemasyarakatan.
- B Membuat kajian lapangan tentang hal-hal berkaitan dengan masyarakat setempat.
- C Melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum.
- D Gemar membaca bahan-bahan berkaitan dengan anthropologi.

- S59 Satu di antara kenyataan berikut bukan fungsi sebenar agensi berkenaan.
- A INNOTECH mengenalpasti masalah pendidikan serantau dan menolong negara berkenaan mengatasinya melalui inovasi dan teknologi sesuai.
  - B ACEID menyelaras bidang tugas kerjasama dan berkhidmat sebagai agen untuk memajukan inovasi dan perkembangan pendidikan.
  - C RELC membantu negara SEAMEO dalam perkembangan Bahasa Inggeris yang berhubung rapat dengan perkembangan sosial dan ekonomi.
  - D UNICEF meringankan masalah ekonomi, sosial, kebudayaan dan kemanusiaan melalui tabung kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
- S60 Semua kualiti peribadi di bawah merujuk kepada imej manusia moden mengikut dapatan Inkles (1969), kecuali
- A Bersikap terbuka tentang pengalaman baru dengan orang lain dan dengan cara baru seperti perancangan keluarga.
  - B Bijak berkata-kata dan sentiasa membuat keputusan bersandarkan perasaan asalkan mengikut prinsip kebebasan individu.
  - C Bertambah kebebasan daripada autoriti tradisional, seperti ibu bapa, dan ulama ugama; dan beralih kepada kesetiaan kepada ketua kerajaan, kesatuan perdagangan dan seumpamanya.
  - D Bercita-cita tinggi bagi diri sendiri dan anak-anaknya agar mencapai matlamat pekerjaan dan pendidikan yang tinggi.

(60 markah)

**BAHAGIAN B**

- S1 Nyatakan 4 pandangan sosiologi terhadap fungsi pendidikan dan jelaskan dengan contoh bagaimana pendidikan menjalankan setiap satu fungsi tersebut.  
(20 markah)
- S2 (a) Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan mobiliti sosial?  
(2 markah)
- (b) Senaraikan 6 corak mobiliti sosial yang anda ketahui dan berikan contoh bagaimana berlakunya mobiliti tersebut bagi setiap satu corak.  
(18 markah)